

Mesej Dua

Mengalami Pendispenan Divin daripada Trinitati Divin dengan Hidup dalam Percintaan Divin

Bacaan Bible: Ef. 3:14-19; Kid. 1:2-3; 3:6; 4:7, 15; 6:4; 8:6-7; Wahi 19:7; 21:2

- I. Dalam erti kata yang paling suci dan kudus, Bible ialah sebuah kisah cinta tentang satu pasangan universal, iaitu Tuhan dalam Kristus sebagai Pengantin Lelaki dan umat yang ditebus Tuhan sebagai pengantin perempuan—Yoh. 3:29; Mat. 25:6; Wahi 19:7; 21:2; 22:17:**
- A. Sejak berabad-abad, Tuhan mempunyai hubungan cinta dengan manusia; Dia mencipta manusia dengan tujuan untuk memperoleh pasangan-Nya—ay. 17.
 - B. Tuhan ialah kekasih, dan Dia mencipta manusia menurut imej-Nya sebagai seorang kekasih; hal ini bermakna bahawa Dia mencipta manusia agar manusia mengasihi Dia—Mrk. 12:30; Ef. 3:14-19.
 - C. Seluruh Bible ialah kisah cinta, dan Kidung Agung ialah ringkasan bagi kisah cinta ini—1:2-3; 8:14:
 - 1. Bible merupakan sebuah buku yang romantik, dan hubungan kita dengan Tuan haruslah semakin romantik—Kid. 4:7.
 - 2. Jika antara kita dengan Tuan Yesus tidak ada hubungan cinta, maka kita ialah orang Kristian yang agamawi, bukan orang Kristian yang romantik—1:2-3.
 - 3. Secara keseluruhannya, Bible ialah sabda lamaran divin; dalam Bible, kita melihat bahawa Tuhan mencari kasih kita—2 Kor. 11:2.
 - D. Jika kita ingin mematuhi sabda lamaran Tuhan, kita perlu mempunyai kasih yang responsif dan mesra terhadap-Nya; kasih yang responsif dan mesra ini digambarkan dalam Kidung Agung; dalam buku ini terdapat gambaran tentang kasih antara Kekasih dengan pencinta-Nya—1:2-4; 2 Kor. 5:14-15; Yoh. 14:21, 23:
 - 1. Subjek Kidung Agung ialah sejarah cinta dalam perkahwinan yang unggul, mewahikan pengalaman percayawan individu yang semakin maju dalam persekutuan cinta dengan Kristus—1:2.
 - 2. Kidung Agung ialah gambaran yang ajaib dan hidup dalam bentuk puisi, tentang cinta pengantin antara Kristus yang merupakan Pengantin Lelaki dengan pencinta-Nya yang merupakan pengantin perempuan-Nya—2:4; 6:3; 7:11-12; 8:5-6, 14.
- II. Dalam Kidung Agung, kita melihat hubungan antara pengalaman terhadap pendispenan divin dengan hidup dalam percintaan divin:**
- A. Jika kita benar-benar mengasihi Tuan, kita sudah pasti akan mempunyai pertumbuhan dan transformasi dalam hayat—2 Kor. 5:14-15; 3:18.
 - B. Oleh sebab pencari dalam Kidung Agung begitu mencintai kekasihnya, dia mengalami pendispenan divin, dan terdapatnya perubahan yang berterusan dalam pertumbuhannya dalam hayat—1:2-3, 4b, 9, 12, 15; 2:2, 14; 3:6-7; 4:7, 12-15; 6:4, 10, 13a.
 - C. Apa sahaja yang dicintai seseorang, pada benda itulah segenap hatinya malah seluruh dirinya diletakkan, diduduki dan dimiliki—1 Tim. 6:10-11; 2 Tim. 3:2-4; 4:8, 10a; Tit. 1:8:
 - 1. “Mengasihi Tuhan bermakna meletakkan seluruh diri kita—roh, sukma, dan tubuh, bersama dengan hati, sukma, minda, dan daya (Mrk. 12:30)—secara mutlak pada-Nya, iaitu membenarkan seluruh diri kita diduduki-Nya dan hilang dalam diri-Nya, agar Dia menjadi segala-galanya kepada kita, dan kita bersatu dengan-Nya secara praktikal dalam kehidupan harian kita” (nota kaki 3 dalam 1 Kor. 2:9).
 - 2. Mengasihi Tuan Yesus bererti menghargai-Nya, menunjukan diri kita terhadap-Nya, membuka diri kepada-Nya, menikmati-Nya, memberi Dia tempat pertama,

bersatu dengan-Nya, berhidupkan-Nya, dan menjadi-Nya—Mat. 26:6-13; 2 Kor. 3:16; Mrk. 12:30; Kol. 1:18; 1 Kor. 6:17; Flp. 1:20-21; *Kidung*, #366, rangkap 2.

III. Tirza dan Yerusalem menandakan rumah kudus Tuhan, tempat huni Tuhan, dikelilingi kota kudus Tuhan untuk menjadi perlindungannya—Kid. 6:4a:

- A. Apabila pencinta Kristus menjadi satu dengan Tuhan untuk menjadi tempat huni Tuhan, di mata Tuhan dia cantik bagaikan Tirza dan indah bagaikan Yerusalem.
- B. Menerusi dia hidup dalam kenaikan Kristus ke syurga dalam kebangkitan, pencinta Kristus menjadi matang dalam kekayaan hayat Kristus sehinggakan dia menjadi bangunan Tuhan, rumah kudus Tuhan berserta perlindungannya—bd. Kej. 2:8-12, 18-24; 1 Kor. 3:9-12.
- C. Pencinta Kristus hidup dalam Tempat Maha Kudus, ruang dalaman bagi rumah kudus di syurga, di sebelah dalam tirai, mengalami kenaikan Kristus ke syurga menerusi salib selepas mengalami kebangkitan-Nya—Kid. 4:8.
- D. Dengan mengasihi Tuan dengan kasih terbaik, kita diinkorporasikan ke dalam Tuhan Tritunggal untuk menjadi tempat huni-Nya—Wahi 2:4; Yoh. 14:20-21, 23; Ef. 3:17:
 - 1. Kasih dalam Tuhanlah yang memberi-Nya kedambaan untuk bersatu, berbaur, dan berinkorporasi dengan kita, dan kasih yang sama dalam kita inilah yang memberi kita kedambaan untuk bersatu, berbaur, dan berinkorporasi dengan-Nya—1 Yoh. 4:19, 8, 16.
 - 2. Dengan mengasihi Tuan dengan kasih terbaik dan dengan berbahagian dalam setiap aspek percintaan divin, kita menjadi Yerusalem Baru, iaitu Tempat Maha Kudus yang diperbesar—Kid. 1:2-3; 2:14; 4:8; 6:4; Wahi 21:9-10.
- E. Menjadi rumah kudus Tuhan bererti dibina (berkaitan dengan pembinaan Tubuh Kristus) disebabkan pertumbuhan dalam hayat Kristus berserta kekayaannya yang tidak terduga sehingga matang—Ef. 4:12-16:
 - 1. Dalam Wasiat Lama, bangunan Tuhan ditamsilkan oleh Tirza dan Yerusalem; dalam Wasiat Baru, bangunan ini ialah Tubuh Kristus yang organik—Ef. 4:16.
 - 2. Pembinaan Tubuh ialah hal organik dan bergantung pada pertumbuhan dan kematangan kita dalam hayat—ay. 15.
 - 3. Akhirnya, pembinaan Tubuh Kristus yang organik ini, yang juga isteri Kristus (5:25-32), akan mengkonsumasikan kota kudus Yerusalem Baru, sebagai konsumsi Tempat Maha Kudus, tempat saling huni bagi Tuhan dan umat yang ditebus-Nya dalam keabadian—Wahi 21:2-3, 16, 22.

IV. Dalam kematangan hayat Kristus, pencinta Kristus menjadi Sulamit, menandakan bahawa dia menjadi reproduksi dan duplikasi Kristus untuk berpadanan dengan-Nya demi perkahwinan mereka—Kid. 6:13:

- A. Bible memberitahu kita berulang kali bahawa Tuhan berhasrat untuk menjadikan diri-Nya satu dengan kita dan menjadikan kita satu dengan-Nya—sama dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan—Wahi 21:2; 22:17.
- B. Apabila kita berfikir tentang bagaimana untuk sampai ke puncak tinggi wahi divin—Tuhan menjadi manusia untuk menjadikan manusia Tuhan dalam hayat dan sifat—kita tidak harus menaruh kepercayaan pada diri kita tetapi bergantung pada Tuan sebagai kasih, kudrat, dan rahmat untuk menjadikan kita wadah rahmat yang terhormat dan mulia—Kid. 8:5-6.